



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
19 Mac 2020**

ASNB HENTIKAN OPERASI SEMUA CAWANGAN

KUALA LUMPUR, 19 MAC 2020: Permodalan Nasional Berhad hari ini mengumumkan bahawa pemegang unit boleh terus melakukan transaksi di rangkaian ejen ASNB iaitu bank-bank utama dan Pos Malaysia, atau secara atas talian di portal atau aplikasi mudah alih myASNB.

Transaksi boleh dilakukan di semua cawangan ASNB di seluruh negara tetapi hanya sehingga 4:00 petang, Jumaat, 20 Mac, dan semua cawangan akan ditutup sehingga 31 Mac 2020.

Transaksi melibatkan Pengisytiharaan Amanah dan Hibah Amanah hanya boleh dilakukan di kaunter dan tidak dapat dijalankan buat sementara waktu sehingga 31 Mac 2020.

Kami menghargai kerjasama orang ramai mengenai perkara ini dan akan berkongsi maklumat terkini jika perlu. Kami menyeru agar pemegang unit serta semua rakyat Malaysia mematuhi sepenuhnya larangan yang telah ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan dan duduk di rumah sepanjang tempoh ini.

- tamat -

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 14 dana unit amanah yang menghampiri 254 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.1 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad